

Malaysia belum terima permohonan ekstradisi isteri Hambali

UM 19 AUG 2003

DAMSYEK 18 Ogos — Malaysia setakat ini tidak menerima permohonan daripada Amerika Syarikat (AS) untuk mengekstradisi Noralwizah Lee Abdullah @ Lee Yin Len, isteri Ketua Operasi Jemaah Islamiah (JI) Hambali, yang kini ditahan di Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pihaknya sedia memberi pertimbangan sekiranya ada permintaan mengenainya.

Kita tidak menerima sebarang permohonan (ekstradisi) daripada AS.

"Kita akan buat keputusan apabila menerima permohonan," katanya pada sidang akhbar di sini.

Beliau ditanya oleh wartawan asing sama ada Malaysia menerima permohonan sedemikian dan akan membenarkan AS mengekstradisi isteri Hambali itu.

Noralwizah yang berasal dari Sabah telah diserahkan kepada pihak berkuasa Malaysia untuk siasatan lanjut.

Utusan Malaysia hari ini melaporkan Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan Noralwizah terlibat secara langsung dalam setiap operasi pertubuhan militan JI.

Dia juga dipercayai mempunyai hubungan rapat dalam setiap operasi yang dijalankan oleh pertubuhan yang dikatakan bertanggungjawab dalam beberapa siri pengeboman di Asia Tenggara sejak tahun 2000. — *Utusan*